



## **BERBICARA TENTANG PERUBAHAN**

RANCANGAN BICARA PUISI

PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA

TARIKH SIARAN: 16 OGOS 1983

DISIAPKAN OLEH : NIZQIN (MOHAMED NAIM DAUPI)

---

JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar yang budiman.

Apa-apa sahaja genre kesusasteraan, baik sajak mahupun cerpen, novel atau drama mengisi secebis peristiwa dalam kehidupan manusia, baik lahiriah atau bathiniahnya. Dan penimbaan dari berbagai-bagai peristiwa itu bukanlah pula atas dasar adanya sahaja. Penciptanya tentulah telah memikirkan tentang keunikannya, keistimewaannya, tentang pengertiannya dalam membuat perhubungan dan lain-lain lagi.

Dan semua proses penciptaan ini datangnya dari pembauran emosi dan fikiran penulisnya. Kemudian dalam pada itu juga penulis tetap menjuruskan fikirannya bahawa hasil penulisannya nanti bukanlah setakat berhenti dengan pembacaan sahaja tetapi menular ke dalam jiwa dan fikiran pembacanya. Malah Dr. Hooykaas, seorang pengkaji sastera Barat mengatakan bahawa hasil penulisan kesusasteraan mempunyai sifat bukan istimewa untuk menampilkan peristiwa kehidupan sahaja tetapi untuk diyakinkan, jelasnya hasil penulisan itu bermaksud untuk membela sesuatu. Bernard Shaw, seniman Barat yang tidak asing lagi pernah menyebut bahawa hasil tulisannya tidak sahaja mendedahkan satu unsur seni tetapi bertujuan juga untuk mengajar.

Saudara-saudara pendengar:

Begitulah antara lain mukaddimah ruangan sorotan puisi kita minggu ini. Pada minggu ini kita akan sama-sama mendengar sorotan puisi yang dipersiapkan oleh saudara NIZQIN ke atas sebuah puisi hasil tulisan seorang penulis muda Temasik yang gigih iaitu ASMIN atau nama sebenarnya ABDUL SAMAD SALIMIN. Puisi ASMIN yang menarik minat NIZQIN untuk diperkatakan ini bertajuk SEGALA YANG BERUBAH yang pernah tersiar di akhbar BERITA MINGGU pada 11hb JANUARI 1981.



Di samping itu, saudara-saudara pendengar akan kami pendengarkan juga dengan persembahan puisi dalam lagu oleh kumpulan Koprata dari Terengganu yang baru-baru ini membuat rakaman khusus untuk rancangan Bicara Puisi kita ini. Untuk minggu ini kami pendengarkan saudara sekalian dengan dendangan lagu ke atas puisi ciptaan .....bertajuk..... (Sila buat pilihan)

Dan pada akhir rancangan ini nanti, kami membuat sebuah tinjauan singkat ke atas PESTA PUISI NUSANTARA1 yang baru-baru ini dianjurkan oleh ANGKATAN SASTERAWAN 50.

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati.

Pada awal perbincangan tadi telah disebutkan betapa kesusasteraan termasuk bidang puisi, bukanlah sekadar keluhan suara bathin penciptanya, atau bukan pula pelepas fikiran penulisnya. Sesebuah hasil kesusasteraan menyisip sesuatu untuk diyakini oleh pembacanya, yakni ia mengandungi sesuatu yang mungkin berupa seruan-seruan, pembelaan-pembelaan, pengajaran dan lain-lain lagi.

Untuk mendengar lanjutan mengenai perkara tersebut, marilah kita dengari sorotan ke atas puisi Segala Yang Berubah tulisan saudara Asmin. Sorotan yang dipersiapkan oleh saudara NIZQIN ini akan dibacakan oleh.....

SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar yang saya muliakan.

Sejarah telah membuktikan, pergolakan besar dunia telah juga digerakkan oleh kesusasteraan. Sekadar contoh bagaiman penulis Voltair dan Rousseou dengan hasil penulisannya menanamkan bibit-bibit pemberontakan Perancis kira-kira dalam abad ke-15 sehingga mencetuskan pergolakan di seluruh Eropah. Atau pada zaman kebangkitan pembangunan Eropah seluruhnya yang kita sebut zaman Renaissance, turut sama digerakkan oleh golongan sasterawan atau penyair yang tidak bersetuju dengan konsep-konsep lama.

Begitulah juga di daerah kita ini, betapa kaum penulis kita terutamanya dalam kalangan penyairnya turut bersama-sama dengan para nasionalis tanah air menyuarakan dan melaung-laungkan perjuangan kemerdekaan.

Demikianlah, tenaga puisi dan penciptanya turut mengembleng usaha membangunkan suatu bangsa dan negara.



Saudara-saudara pendengar:

Berbalik kepada penciptaan puisi kita masa kini, adakah puisi-puisi kita benar-benar memberi manfaat kepada pembentukan mental dan fizikal masyarakatnya? Atau adakah kehadiran puisi-puisi kita di tengah-tengah pembangunan negara yang pesat ini turut memberikan sumbangannya yang besar? Atau adakah puisi-puisi kita hari ini berjaya mengubah sikap dan pandangan masyarakat setempat terhadap segala macam perubahan struktur kehidupan sosial, ekonomi dan politik?

Tentulah untuk memberikan jawapan yang jitu tentang perkara tersebut memerlukan suatu penelitian dan pengkajian yang mendalam. Tetapi dari jengukan selintas ke atas puisi-puisi kita hari ini, sebahagian besarnya masih belum sempat berbicara demikian. Malah terlihat juga sikap negatif penulis-penulis kita terhadap segala macam kemodenan, pembangunan bandar, kemajuan perindustrian dan segala macam perubahan yang melanda kita. Seolah-olah segala pembangunan yang bersifat material ini telah menelan sesuatu yang telah menjadi tradisi dalam kehidupan mereka. Sikap lapuk dan pandangan yang beku masih melanda perasaan dan pemikiran sebahagian penyair-penyair kita.

Sememangnya kita maklumi bahawa apa-apa saja bentuk pembangunan memerlukan pengorbanan yang tidak kecil dari setiap anggota masyarakat kita. Tanpa pengorbanan saya kira, pembangunan tidak dapat berjalan seperti apa yang dirancangan. Tetapi walaupun demikian. Kita tetap akur bahawa nilai-nilai murni dalam kehidupan tradisi kita janganlah kita patahkan. Kita harus mengekalkan dan mengukuhkan semula biar segala itu menyerap ke dalam kehidupan kita yang membangun ini.

A.Salam seorang penyair veteran kita pernah menyebut di dalam puisi yang bertajuk Kota sempat berbicara tentang pengorbanan yang harus kita taruhkan demi pembangunan. Dengarkanlah petikan dari puisi beliau itu:

**Engkau sepatutnya telah mengerti  
Akan keadaan waktu  
Dari sebuah perjalanan – perjudian  
Yang meminta pertarungan  
Korban dan berani.**

Saudara-saudara pendengar:

Salah seorang penyair muda kita yang sempat berbicara demikian ialah penyair Abdul Samad Salimin atau lebih kita kenali dengan nama ASMIN. Melalui puisinya Segala Yang Berubah kita dapat melihat perubahan sikap ASMIN terhadap pembangunan. ASMIN menerapkan andainya kita masih kekal bercanggah ke atas perubahan-perubahan demi membangunkan atau memodenkan kehidupan, menggerakkan kebudayaan supaya



tidak tinggal beku dan kaku serta demi kemajuan material, fizikal, mental dan kerohanian kita, sebenarnya menurut beliau kita masih mewarisi kedunguan yang bakal dipersalahkan oleh sejarah dan bangsa kita sendiri.

Sekarang marilah kita hayati puisi ASMIN itu sebelum melanjuti sorotan saya ke atasnya:

**Arahan: Deklamasikan Puisi Ini**

tiba-tiba aku menjadi sadik  
setiap waktu menghambat detik  
sonder pemikiran sonder perkiraan  
merela segala yang diarah  
untuk satu-satu tujuan  
hidup dan kehidupan

berdepan dengan percaturan  
walau begitu cemar  
memaksa persetujuan  
menjadikan aku  
berperang dengan jiwa  
bertentang dengan suara  
di atas lunas-lunas yang tak bisa kuterima  
perestuan tidak betah kutolak  
hukum tidak bisa ditabrak  
untuk satu sistem pelaksanaan  
mencagar sebesar-besar pengorbanan  
hak dan kebudayaan

suasana memaksa aku berdiri  
di atas dua antara  
kehidupan dan warisan  
kebebasan dan perkiraan  
dan aku tidak betah selamanya  
berdiri di satu aluran  
kerana di sini  
realiti dan identiti  
amat tidak mungkin dipersatukan

segala yang bercanggah  
tidak seharusnya mendampar kita  
gegabah dan berserah



kita bakal dipersalahkan  
oleh sejarah dan bangsa  
selagi kedunguan masih diwaisi  
tidak mahu menyedari  
kepentingan menjadi hak milik peribadi  
dan kebaculan menjadi pakaian.

SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar:

Dari baris pertama puisi Segala Yang Berubah itu terlihat kejujuran ASMIN untuk membuat pernyataan. ASMIN berterus-terang dalam kalimatnya iaitu tiba-tiba aku menjadi sadik. Terhadap perubahan untuk tujuan-tujuan hidupnya secara peribadi dan terhadap kehidupan masyarakat seluruhnya. Sememangnya perancangan terhadap pembangunan ini memerlukan percaturan-percaturannya terlebih dahulu. Dan oleh kerana beberapa sebab tertentu maka percaturan yang turut terfikirkan ialah melaksanakan semacam undang-undang bagi memastikan pembangunan itu berjalan seperti yang dirancangan. Untuk ini ASMIN menerapkan:

**Di atas lunas-lunas yang tak bisa kuterima**  
**Perestuan tidak betah kutolak**  
**Hukum tidak bisa kutabrak**  
**Untuk satu sistem perlaksanaan**

Dan dari hakikat inilah ASMIN mencetuskan suara emosinya dengan mencagar sebesar-besar pengorbanan pada hak dan kebudayaannya.

Di sinilah juga ASMIN terpaksa memilih antara kehidupan dan warisan, antara realiti dan identiti. Walau bagaimanapun seperti yang telah diperkatakan bahawa apa saja bentuk pembangunan memerlukan pengorbanan. Dan kehadiran pembangunan itu tidak semestinya menenggelamkan seluruh wasan tradisi kita, dan semua ini tidak pernah terlarangkan. Apatah lagi menghanyutkan identiti kita? Pada kitalah terletak tanggungjawab itu sebenarnya dan segala perubahan yang mematahkan warisan dan menggelamkan identiti kita sendiri, sepatutnya kita sendiri yang dipersalahkan, bukan pembangunan itu.



JURUHEBAH:

Saudara-saudara pendengar:

Demikianlah sorotan ringkas ke atas puisi Segala yang Berubah hasil tulisan ASMIN yang ditulis oleh NIZQIN. Pada minggu hadapan kita suakan saudara dengan sorotan yang lain pula.



[www.saujana.sg](http://www.saujana.sg)

halaman 6